

CLOMAZOL SOLUTION

Clotrimazole 1%w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Clomazol*
2. Bagaimana *Clomazol* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Clomazol*
4. Cara menggunakan *Clomazol*
5. Semasa menggunakan *Clomazol*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Clomazol*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Clomazol*

Ia digunakan untuk merawat jangkitan kulat seperti panau, jangkitan kulat kaki, ruam bayi dan jangkitan kulat akibat peluh, atau jangkitan kulit lain daripada kulat.

Bagaimana *Clomazol* berfungsi

Ia mengandungi *clotrimazole*, sejenis antikulat yang melawan punca jangkitan kulat.

Sebelum mengambil *Clomazol*

Bila tidak boleh mengambil
Jika ada alahan terhadap *clotrimazole*, atau ramuan-ramuan lain *Clomazol*.

Sebelum mula mengambil

Jangan pakai pembalut luka di atas ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor. Keselamatan penggunaan untuk kehamilan atau menyusukan anak belum dipastikan lagi. Jadi, sila beritahu doktor jikalau mengandung atau menyusukan anak.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan *Clomazol*

Berapa banyak harus diambil
Sapu pada bahagian kulit berkenaan dua atau tiga kali sehari, dan sambung untuk 2 minggu lagi selepas tanda-tanda jangkitan hilang.

Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Selepas itu, gunakan semula mengikut jadual biasa anda.

Jika mengguna berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Clomazol*

Perkara yang perlu dilakukan
Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Apabila digunakan pada kulit, gerakbalas tempatan seperti merah, ruam, gatal kulit, lepuh, rasa pedih dan iritasi kulit mungkin berlaku. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan *Clomazol*

Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Larutan tidak berwarna.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *clotrimazole*
- Bahan tidak aktif: *isopropyl alcohol*, *butyl hydroxytoluene*, *propylene glycol* dan *macrogol*.

No. MAL:

MAL20040740X

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini

02/12/2013